

Penerapan Kemahiran Insaniah Dalam Pengajaran Guru Bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Di SMPK Vokasional Malaysia

Application of Soft Skills in Teacher Teaching for Students with Special Education Needs at SMPK Vocational Malaysia

Viknesvari Letchumanan^{1*}, Mohd Zolkifli Abd Hamid¹, Abdul Murad Abd Hamid¹

¹ Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura,
Sisiran Indahpura 36/6, 81000 Kulai, Johor, MALAYSIA

*Corresponding Author: vikneslt@edidik.edu.my
DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2024.09.02.016>

Maklumat Artikel

Diserah: 17 Ogos 2024
Diterima: 28 September 2024
Diterbitkan: 30 September 2024

Kata Kunci

Murid keperluan pendidikan khas;
kemahiran insaniah; peluang kerjaya
masalah pembelajaran; kurang
upaya interlektual

Abstrak

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan mereka sebelum mendapat peluang menembusi pasaran kerja sebenar. Bagi meningkatkan peluang kerjaya mereka dan seterusnya memenuhi aspirasi majikan, mereka perlu dilengkapi dengan kemahiran insaniah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan guru dalam mengajar murid berkeperluan khas iaitu mereka yang berada dalam kategori masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) di Malaysia. Kajian kes telah digunakan bagi mendapatkan data yang padat dan terperinci. Seramai sepuluh orang peserta dipilih berdasarkan pencapaian titik penentuan ketepuan dalam kajian kualitatif. Protokol temu bual separa berstruktur digunakan sebagai instrumen. Semakan dokumen juga digunakan sebagai triangulasi dalam mengukuhkan data yang diperolehi. Didapati bahawa kemahiran berkomunikasi merupakan kemahiran yang paling kerap diterapkan bersama dengan kemahiran belajar dan bekerja dalam kumpulan. Untuk membantu guru menerapkan kemahiran insaniah dalam pengajaran dan pembelajaran mereka, satu senarai semak telah dihasilkan. Kajian yang lebih komprehensif diharapkan akan dijalankan pada masa hadapan dengan melibatkan pentadbir sekolah dan guru cemerlang untuk lebih memahami kepentingan kemahiran insaniah yang diperlukan oleh murid berkeperluan khas.

Keywords

Special education needs students, soft skills, career opportunities, learning disabilities, intellectual disabilities

Abstract

Special Education Needs Students face various challenges in their lives before having the opportunity to enter the actual job market. To enhance their career prospects and meet employer expectations, they need to be equipped with soft skills. This study aims to identify the level of soft skills application among teachers in teaching special education needs students, specifically those in the learning disabilities category (intellectual

disabilities) at Vocational Special Education Secondary Schools (SMPKV) in Malaysia. A case study approach was used to obtain comprehensive and detailed data. Ten participants were selected based on the achievement of data saturation in the qualitative study. A semi-structured interview protocol was used as the instrument. Document review was also employed as triangulation to strengthen the obtained data. It was found that communication skills were the most frequently applied skills, along with learning and working in groups. To assist teachers in applying soft skills in their teaching and learning, a checklist was developed. A more comprehensive study is hoped to be conducted in the future involving school administrators and outstanding teachers to further understand the importance of the soft skills needed by special education needs students.

1. Pengenalan

Seluruh dunia ingin penduduknya menjadi tenaga kerja mahir untuk memanfaatkan era globalisasi (*International Labour Organization*, 2023). Untuk mencapai hasrat ini, Kementerian Pendidikan telah mengambil inisiatif dengan menggubal sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional. Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan yang penting dalam melengkapkan generasi muda untuk memasuki pasaran kerja dan meningkatkan kebolehkeraan mereka di sepanjang karier mereka (*International Labour Organization*, 2023). Pendidikan merupakan hak asasi bagi setiap manusia. Semua murid layak menerima pendidikan tanpa mengira agama, status dan keupayaan diri sendiri. Walaupun segelintir daripada mereka tergolong dalam lingkungan Orang Kelainan Upaya (OKU), mereka juga harus mendapat hak pendidikan yang sama seperti murid normal bagi mengelakkan mereka daripada tercicir dalam bidang Pendidikan.

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) adalah seseorang yang mempunyai pengesahan daripada pegawai perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi, sama ada diakui oleh hospital kerajaan atau swasta, sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran dan mana-mana kombinasi ketidakupayaan atau ketidakupayaan dan masalah yang telah dinyatakan (Peraturan Pendidikan Khas, 2013). Di Malaysia, MBPK Masalah Pembelajaran merupakan golongan OKU yang paling ramai mendaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (Hassan, N., & Ismail, N. (2022). Masalah pembelajaran merupakan masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia *biological*. Murid masalah pembelajaran terbahagi kepada enam jenis kurang upaya, antaranya ialah *Attention Deficit Hyperactivity Disorder* (ADHD), *Autisme* (*Autistic Spectrum Disorder*), Kurang Upaya Intelektual, Masalah Pembelajaran Spesifik, *Sindrom Down*, dan lain-lain.

Dalam pendidikan, kemahiran yang paling utama yang harus ada dalam kalangan murid bagi melakukan sesuatu tugas dengan sempurna ialah kemahiran insaniah Mohd Ali, M. H., & Rahim, N. A. (2023). Kemahiran insaniah bukan sahaja penting bagi seseorang murid yang normal malah penting bagi MBPK masalah pembelajaran. Menurut Rabren & Schiffer (2016), sekiranya MBK mempunyai tahap harga diri tinggi, keyakinan dan perasaan nilai dalam masyarakat, mereka boleh mendapat pekerjaan yang setaraf dengan mereka.

1.1 Latar Belakang Kajian

Pekerjaan dalam kalangan OKU di Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran. Cabaran utama adalah seperti isu diskriminasi di tempat kerja, masalah mobiliti, masalah ke tempat kerja dan sukar mendapat pekerjaan yang sesuai mengikut bidang pengkhususan (Tiun dan Khoo, 2013). Sungguhpun terdapat pelbagai peluang pekerjaan yang disediakan oleh majikan di luar, tetapi majikan akan membuat pilihan bagi calon terbaik sahaja untuk jawatan yang ditawarkan (Mohd Zulkarnain Abdul Wahab, Aliza Alias & Hamidah Yamat, 2017).

Menurut Ismail (2015), sebagai majikan mereka perlu memberi keyakinan dan harapan kepada MBK untuk berjaya dalam kehidupan. Daripada dapatan kajian Marie, (2019), Walker & Barrio, (2017); Siti, Khadijah & Yahya (2013); Annuar Aswan, Mohd Faizal & Abdul Razak, (2017), Lee, J. A., & Kim, S. Y. (2023) golongan berkeperluan khas masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) mempunyai kekurangan kemahiran insaniah. Kebanyakan majikan mengutamakan pekerja yang mempunyai kemahiran insaniah seperti, mahir berkomunikasi, boleh bekerja dalam kumpulan dan yang paling penting pengurusan masa.

Statistik MBPK di Malaysia menunjukkan peningkatan secara mendadak setiap tahun. Bilangan MBPK mengikut sekolah dan Program Pendidikan Khas secara keseluruhan pada tahun 2022 adalah berjumlah 88,118 orang murid, manakala pada tahun 2023 telah meningkat kepada 97,494 orang murid. Kajian ini memfokuskan kepada MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) kerana bilangan mereka sentiasa meningkat setiap tahun. Menurut Hassan, N., & Ismail, N. (2022), MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) secara

fizikalnya mereka adalah kuat dan sanggup melaksanakan tugas yang diberikan oleh pihak majikan tetapi mereka hanya kekurangan kemahiran insaniah terutama sekali kemahiran komunikasi.

Jadual 1 menunjukkan statistik MBPK masalah pembelajaran mengikut jenis kurang upaya bagi tahun 2022 dan 2023. Bagi jenis kurang upaya intelektual dan *autisme* menunjukkan pertambahan bilangan murid, yang paling ketara ialah MBPK masalah pembelajaran (*autisme*) dan yang kedua ketara ialah MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual), pada tahun 2023 seramai 36, 217 orang murid berbanding pada tahun 2022 seramai 35,059 orang murid.

Jadual 1 Statistik murid berkeperluan pendidikan khas masalah pembelajaran mengikut jenis kurang upaya bagi tahun 2022 dan 2023

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran Mengikut Jenis Kurang Upaya	Tahun 2022	Tahun 2023
<i>Attention Deficit Hyperactivity Disorder</i> (ADHD)	7,669	8,487
<i>Autisme</i> (Autistic Spectrum Disorder)	20,755	25,973
Kurang Upaya Intelektual	35,059	36,217
Masalah Pembelajaran dan Disleksia	15,118	17,271
<i>Syndrome Down</i>	5,159	5,084
Lain-lain	4,358	4,462
Jumlah	88,118	97,494

Berdasarkan kepada enrolmen peringkat menengah di Sekolah Pendidikan Khas Vokasional sehingga tahun 2023, sebanyak 1065 orang murid didaftarkan di empat buah sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional mengikut negeri dan kategori kurang upaya. Sebanyak 717 daripada 1065 orang murid merupakan kategori masalah pembelajaran dan yang selebihnya adalah dari kategori kurang upaya fizikal, kurang upaya pelbagai, kurang upaya pendengaran dan kurang upaya penglihatan.

Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) menawarkan pelbagai program kepada MBK (BP Khas, 2023). Sebanyak 25 kursus aliran vokasional dan kemahiran ditawarkan di empat buah SMPKV (Harian Metro, 26 Oktober 2017). Program-program yang ditawarkan di SMPKV telah diiktiraf oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), dengan menawarkan Persijilan Kemahiran Malaysia. Kesemua SMPKV merupakan pusat bertauliah yang telah diluluskan oleh JPK (Sistem Kredit Kemahiran Malaysia, 2018).

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) kurang diberikan peluang pekerjaan mengikut kemahiran yang dimiliki dan untuk menyumbang kepada masyarakat (Scheef, Walker & Barrio, 2017; Annuar Aswan, Mohd Faizal & Abdul Razak, 2017. Menurut Scheef, Walker dan Barrio (2017), pekerja berkeperluan khas masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) mempunyai kesukaran dalam melakukan pelbagai tugas dalam satu kerja kerana kurang kemahiran insaniah.

Di Malaysia terdapat empat buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV). Sekolah yang pertama ialah SMPK Vokasional Shah Alam dan ia ditubuhkan pada tahun 1987. SMPK Vokasional Shah Alam menempatkan MBK masalah pendengaran dari seluruh negara. Sekolah kedua ialah SMPK Vokasional Indahpura Johor telah ditubuhkan pada tahun 2004. SMPK Vokasional Kuantan merupakan sekolah ketiga yang telah ditubuhkan pada tahun 2012. Sekolah ini menempatkan MBK masalah pembelajaran dan masalah pendengaran. Manakala sebuah sekolah lagi ialah SMPK Vokasional Merbok, ditubuhkan pada tahun 2016.

Penyediaan dan Pembuatan Makanan (PPM), Operasi Pengemasan (OP) dan Dandan Rambut (DR) merupakan kursus di mana dapat menyediakan dan memberi peluang latihan kemahiran kepada murid dalam bidang hospitaliti secara amnya (Jabatan Pembangunan Kemahiran, 2021). Ketiga-tiga kursus ini juga mematuhi piawaian Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Kementerian Sumber Manusia bagi memenuhi keperluan industri (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Dalam kajian Annuar Aswan, Abdul Razak dan Mohd Faizal (2018), terdapat majikan industri makanan mengambil MBK masalah pembelajaran sebagai pekerja. Permintaan pasaran kerja semakin meningkat. Secara keseluruhan didapati, MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) yang bekerja dalam bidang pengkhususan masing-masing masih lagi kurang. Oleh sedemikian, pengkaji berminat untuk mengenalpasti punca MBPK bekerja diluar bidang pengkhususan dan yang tidak bekerja.

Dari segi perspektif majikan terhadap MBPK Masalah Pembelajaran, menurut Scheef, Walker & Barrio (2017), kemahiran insaniah seperti sikap, komunikasi, stamina, kebergantungan, fleksibiliti dan kemahiran teknikal sangat penting dalam kalangan pekerja berkeperluan khas, terutama sekali dalam bidang hospitaliti. Dalam kajian yang sama, pekerja berkeperluan khas masalah pembelajaran kurang mempunyai stamina yang kuat untuk bekerja lebih masa.

Manakala dalam kajian Lindsay et.al, (2014), majikan memerlukan pekerja berkeperluan khas yang mempunyai kesemua kemahiran insaniah terutama sekali kemahiran komunikasi dan tingkah laku yang baik.

Selain daripada kemahiran insaniah, kemahiran akademik, kemahiran pengurusan diri dan kemahiran berpasukan juga penting bagi menceburi bidang pekerjaan. Wujud banyak masalah atau isu mengenai kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan dalam kalangan MBK masalah pembelajaran (Scheef, Walker & Barrio, 2017; Tiun & Khoo, 2013). Selain itu, dalam kajian Noraini Mohd Nor & Haslina Mohamad (2010), majikan pada masa kini amat menitikberatkan kemahiran komunikasi bagi setiap pekerja kurang upaya, mahupun golongan normal. Kemahiran komunikasi yang dititikberatkan ialah, MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) boleh berkomunikasi dengan fasih dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris dan berani bercakap dengan masyarakat. Setiap pekerja perlu mengasah diri mereka dengan kemahiran komunikasi yang boleh digunakan dalam organisasi. Dengan adanya kemahiran insaniah dalam kalangan MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual), ianya menjadi sandaran dan berpotensi untuk mendapat pekerjaan serta majikan berani mengambil mereka sebagai pekerja (Magrin, Marini & Niclotti, 2019).

1.2 Pernyataan Masalah

Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional merupakan satu pusat pendidikan yang memberi peluang kepada MBK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) untuk mempelajari bidang teknik dan vokasional. Pihak majikan memerlukan setiap pekerja mempunyai kemahiran insaniah. Bagi menyediakan MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) yang mampu untuk memenuhi kehendak majikan, maka MBPK perlu dibekalkan dengan kemahiran teknikal dalam bidang mereka dan kemahiran insaniah. Apabila guru menerapkan kemahiran insaniah dalam pengajaran dan pembelajaran ia membolehkan MBK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) lebih bersedia untuk memasuki dunia pekerjaan.

Berdasarkan pembacaan secara ekstensif, penyelidik mendapati kajian terhadap kemahiran insaniah bagi MBK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) dalam bidang hospitaliti masih lagi kurang, di mana sumber rujukan juga kurang. Golongan MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) perlu mendapat perhatian yang khusus daripada kalangan penyelidik.

Kajian ini meneliti bagaimana guru menerapkan kemahiran insaniah dalam kalangan MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) SMPKV Malaysia bagi meningkatkan peluang kerjaya. Oleh hal yang demikian, pengkaji melaksanakan kajian yang berkaitan bagaimana guru SMPKV menerapkan kemahiran insaniah dalam pengajaran dan pembelajaran bagi MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual). Pengkaji meneliti sejauh manakah tahap penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan guru yang mengajar kursus PPM, OP dan DR.

1.3 Objektif Kajian

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Mengenal pasti elemen kemahiran insaniah yang diterapkan dalam kursus Penyediaan dan Pembuatan Makanan (PPM), Operasi Pengemasan (OP) dan Dandan Rambut (DR) berdasarkan kepada senarai SKPK
 - a) Mengenal pasti bagaimana kaedah penerapan kemahiran insaniah diterapkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.
 - b) Mengenal pasti tahap penerapan kemahiran insaniah dalam pengajaran dan pembelajaran guru.
- ii. Menghasilkan satu senarai semak penerapan kemahiran insaniah kepada guru-guru yang mengajar murid berkeperluan khas (kurang upaya intelektual)

2. Metodologi Kajian

2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif reka bentuk kajian kes. Pendekatan kualitatif melibatkan penghuraian data atau maklumat dalam bentuk teks agar pengkaji dapat memperincikan kes yang dikaji secara terperinci (Chua, 2014). Kajian kes ini telah dibuat secara terperinci ke atas kursus Penyediaan dan Pembuatan Makanan, Operasi Pengemasan dan Dandan Rambut. Pengkaji juga telah memilih kajian *multiple - case (holistic) designs* iaitu bagaimana guru SMPKV menerapkan kemahiran insaniah dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap MBK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual).

Kajian ini telah memilih keempat-empat buah sekolah iaitu SMPK Vokasional di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menentukan sejauh manakah elemen – elemen kemahiran insaniah yang diterapkan oleh guru dalam kalangan murid SMPKV yang mengambil kursus dalam bidang Hospitaliti dan Pelancongan dan mengenal pasti kaedah yang digunakan oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran.

2.2 Sampel Kajian

Populasi bagi sesuatu kajian adalah sangat penting. Menurut Mohd Fathi (2013), populasi kajian dapat mengelaskan masalah yang harus dikaji dan sejauh manakah dapatan kajian dikumpul dan dianalisis oleh pengkaji untuk menjawab persoalan kajian. Guru - guru yang mengajar kursus PPM, OP dan DR kepada MBK masalah pembelajaran di empat buah sekolah SMPKV di Malaysia merupakan populasi bagi kajian ini.

Kaedah pensampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan bukan rawak (*purposive sampling*). Oleh hal yang demikian, pengkaji memilih peserta berdasarkan beberapa ciri-ciri. Ciri-ciri yang ditentukan sebagai peserta kajian adalah seperti berikut: (a) guru yang mengajar kursus PPM, OP dan DR yang mempunyai sekurang-kurangnya Persijilan Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Tiga dalam bidangnya. (b) guru yang berpengalaman mengajar MBK masalah pembelajaran bagi satu kitaran penuh iaitu mengajar dari tahun pertama hingga mereka tamat pengajian di SMPKV. Pengkaji menetapkan ciri ini kerana, guru yang mengajar satu kitaran yang penuh mempunyai pengalaman mengenai MBK masalah pembelajaran. Kaedah pensampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan Oleh itu, guru yang tidak memenuhi ciri-ciri tersebut tidak termasuk dalam kajian ini.

Menurut Chua (2014), dalam penyelidikan kualitatif saiz sampel tidak dapat dipastikan pada awal kajian dijalankan, berbeza dengan penyelidikan kuantitatif di mana saiz sampel dapat ditentukan sebelum kajian dijalankan. Bilangan peserta dipilih adalah bersifat tentatif iaitu bilangan guru yang terlibat tidak ditentukan lebih awal. Pemilihan sampel dan proses analisis data dilakukan berterusan hingga sampai pada satu tahap di mana tiada informasi baru yang didapati daripada sesi temu bual yang dijalankan.

Pemilihan persampelan bertujuan merujuk kepada memilih peserta yang mempunyai input yang banyak, demi ia dapat memberikan butiran yang paling banyak bagi memahami kajian yang dijalankan (Creswell, 2014). Oleh itu, pengkaji telah menggunakan guru dalam bidang hospitaliti dan pelancongan sebagai peserta kajian dan akan melihat *trustability* daripada peserta.

2.3 Instrumen Kajian

Bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan, item temu bual dalam kajian dibangunkan berpandu kepada objektifnya. Dalam kajian ini, pengkaji merancang proses temu bual dengan teliti.

2.3.1 Protokol Temu Bual Separa Berstruktur

Protokol temu bual separa berstruktur terbuka merupakan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Melalui protokol temu bual, pengkaji dapat mengumpul data atau maklumat secara terperinci dan mendalam. Menurut Yin (2003), temu bual mendalam bermaksud apa-apa yang disebutkan oleh peserta merupakan maklumat yang berharga dalam kajian dan tindak balas yang relevan dicatatkan pernyataan demi pernyataan. Selain itu, pengkaji telah membina soalan yang mendorong peserta untuk memberi maklumat mengikut kehendak pengkaji supaya proses pengumpulan data menjadi lebih mudah. Pengkaji juga memastikan tiada istilah khas atau perkataan yang menyukarkan pemahaman peserta. Hal ini kerana, menurut Robson (2002), pengkaji harus memberi perhatian terhadap aspek bahasa dalam pembinaan soalan temu bual.

2.3.2 Senarai Semak Dokumen

Instrumen seterusnya ialah analisis dokumen. Dokumen yang dianalisis adalah Rancangan Pengajaran Harian (RPH) guru. Pengkaji menyemak RPH guru sebagai dokumen sokongan. Pengkaji menyemak RPH guru dengan menyemak dan mencatat kemahiran insaniah atau nilai-nilai yang diterapkan sebagai senarai semak dokumen. Pengkaji akan melihat nilai-nilai murni yang diterapkan.

2.4 Kaedah Pengukuran

Pengkaji menggunakan kaedah triangulasi dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji memilih jenis kaedah iaitu akan temu bual, melakukan pemerhatian, melihat dokumen-dokumen penting seperti Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Dengan menggunakan cara triangulasi dapat meningkatkan kesahan dalaman. Selain itu, bagi kesahan luaran, pengkaji akan memilih *naturalistic generalization* untuk melihat perbezaan pengalaman peserta yang terlibat dalam kajian ini.

2.5 Analisis Data

Analisis data merujuk kepada proses mengatur, berstruktur dan menginterpretasikan data yang telah dikumpul (Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2022)). Menurut Merriam (2021), analisis data ialah satu proses untuk menterjemah maksud yang terkandung dalam data – data naratif. Selain itu, analisis data merupakan sub proses yang terdiri daripada tiga rangkaian iaitu reduksi data, paparan data dan rumusan atau verifikasi (Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldaña, J. (2020)). Oleh hal yang sedemikian, maklumat yang diperoleh daripada peserta akan direkodkan

dan diterbitkan semula dalam bentuk transkrip. Ia dilakukan secara manual untuk mengetahui kemahiran insaniah yang perlu diterapkan dalam kalangan MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) untuk mendapat pekerjaan selepas tamat sekolah.

2.5.1 Temu Bual

Temu bual dengan setiap peserta dan maklum balas daripada mereka menentukan kepentingan kemahiran insaniah dalam kalangan MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual). Rapport adalah sesuatu perkara yang paling asas dan penting dalam komunikasi. Apabila hubungan di antara pengkaji dengan peserta dibina dengan jayanya, beramanah dan saling hormat menghormati, maka komunikasi di antara mereka akan berjalan dengan baik (Prior, M. (2018). Bagi membina kepercayaan dan kefahaman antara pengkaji dengan peserta, pengkaji membuat janji temu dengan peserta dan berjumpa peserta di luar sekolah sebelum melakukan temu bual yang sebenar. Kemudian peserta menentukan tarikh, masa untuk sesi temu bual. Apabila pengkaji melakukan sedemikian, hubungan antara kami berdua menjadi lebih berkesan semasa komunikasi dan dapat mengumpul maklumat bermakna.

Menurut Smith, J., & Brown, L. (2023), penyelidikan kualitatif sangat bergantung kepada temu bual secara terbuka dalam mengumpul maklumat. Matlamat utama temu bual ini dijalankan untuk mendapatkan keterangan atau maklumat yang khusus. Terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi-berstruktur dan temu bual tidak berstruktur (Othman, (2007); Chua, (2014); Creswell, (2014). Pengkaji menggunakan temu bual berstruktur dalam kajian ini, di mana ia melibatkan soalan – soalan yang telah dibangunkan untuk peserta. Setiap peserta menjawab soalan yang sama mengikut urutan yang telah ditetapkan dalam protocol temu bual. Pengkaji mencatat gerakan bahasa tubuh serta merakam suara peserta dengan menggunakan pita rakaman telefon mudah alih jenis Oppo 7. Data yang didapati dijadikan transkrip temu bual. Transkrip temu bual tersebut diserahkan kepada peserta untuk dinilai dan disahkan melalui email atau telegram. Selain itu, pengkaji telah menunjukkan sikap yang prihatin sewaktu sesi temu bual bersama peserta dijalankan.

2.5.1.1 Membina Kod

Selepas menjana data audio kepada bentuk teks, pengkaji menghasilkan kod mengikut kriteria data. Pengkaji menganalisis kod yang dibina dan memikirkan cara untuk menggabungkan kod – kod yang berbeza ke satu tema. Pengkaji telah rekod data secara manual, dengan menggunakan pen highlight yang berlainan warna untuk memudahkan proses menganalisis data. Kod – kod yang menjawab persoalan kajian dipadankan, manakala data yang tidak berkaitan atau tidak bersesuaian di asingkan.

2.5.1.2 Mencari Tema

Pengkaji merangka tema selepas mengenal pasti semua kod data. Kod – kod dan tema yang ditemui daripada transkrip diterangkan dalam bentuk jadual. Kemudian, pengkaji merangka satu set tema mengikut peserta, kemahiran insaniah dan cara menerapkan kemahiran insaniah. Setiap tema yang telah dirangka diperhalusi satu demi satu.

2.5.1.3 Menamakan Tema

Selepas membina kod dan mencari tema, pengkaji menamakan setiap tema yang telah dibentuk. Nama bagi setiap tema menentukan aspek yang terdapat dalam tema tersebut.

2.5.2 Semakan Dokumen

Pengkaji menganalisis dokumen peserta iaitu penulisan RPH. Pengkaji membuat catatan berdasarkan RPH yang diberikan oleh peserta. Dengan dapatan ini, pengkaji telah menyediakan satu senarai semak kepada guru-guru pendidikan khas, kaedah penerapan kemahiran insaniah kepada MBK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual). Senarai semak ini disediakan selepas temu bual dan semakan RPH.

3. Dapatan Kajian

Peserta bagi kajian ini terdiri 10 orang guru. Populasi sebenar bagi kajian ini ialah seramai 16 orang guru, di mana setiap kursus mewakili satu atau dua orang guru. Temu bual dijalankan oleh pengkaji dengan 10 orang peserta dan titik tepuan telah dicapai di mana hasil temu bual tidak menerbitkan lagi tema atau isu di luar persoalan kajian. Peserta dalam kajian ini ialah guru –guru yang mengajar MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual). Kesemua peserta memiliki Sijil Kemahiran Malaysia Tahap Satu hingga Tahap Tiga. Selain itu, daripada 10 peserta hanya satu peserta merupakan Pegawai Pengesah Luaran lantikan JPK bagi tahun 2018 hingga 2021.

3.1 Persoalan Kajian Pertama: Apakah Elemen Kemahiran Insaniah yang Diterapkan dalam Kursus Penyediaan dan Pembuatan Makanan (PPM), Operasi Pengemasan (OP) dan Dandanan Rambut (DR)

Hasil dapatan temu bual di antara sepuluh orang peserta mendapati bahawa enam daripada lapan kemahiran insaniah yang diterapkan dalam kursus PPM, OP dan DR. Antara kemahiran insaniah yang kerap diterapkan ialah Kemahiran Komunikasi (KOM), Kemahiran Konseptual (KON), Kemahiran Belajar (BLJ), Kemahiran Kepimpinan (PIM), Disiplin Diri (DD) dan Kerja Dalam Kumpulan (KDK).

Jadual 2 Senarai Kemahiran Insaniah dan Kod

Kemahiran Insaniah	Kod
Kemahiran Komunikasi	KOM
Kemahiran Konseptual	KON
Kemahiran Interpersonal	INT
Kemahiran Belajar	BLJ
Kemahiran Kepimpinan	PIM
Serba Boleh dan Keutamaan	SBK
Disiplin Diri	DD
Kerja dalam Kumpulan	KDK

Selepas menemu bual peserta, pengkaji dapat mengenal pasti bahawa setiap peserta mempunyai kaedah yang berbeza dalam menerapkan elemen kemahiran insaniah. Kaedah yang digunakan dalam penerapan kemahiran insaniah ialah menerusi aktiviti berkumpulan, pembentangan, lakonan, cara bercakap, latihan sebagai ketua dan pengurusan masa semasa mengendalikan kelas amali.

3.2 a) Bagaimana Kaedah Penerapan Kemahiran Insaniah Diterapkan oleh Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran?

Merujuk kepada sumber data utama kajian iaitu temu bual yang dijalankan di antara guru kursus PPM, OP dan DR, didapati kesemua peserta menjalankan kaedah penerapan yang berbeza antara satu sama lain semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Berpandukan hasil temu bual dengan kesemua peserta, jelas dilihat bahawa peserta kerap menerapkan kemahiran komunikasi, kemahiran belajar dan kerja dalam kumpulan. Mereka memastikan semua murid bercakap di dalam kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Menghasilkan produk, mencari pelanggan atau menjual produk, dan aktiviti dalam kumpulan. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran, peserta kerap melaksanakan aktiviti dalam kumpulan.

Elemen-elemen kemahiran insaniah yang diterapkan telah diterangkan dibawah ini:

Kemahiran Komunikasi

Kemahiran komunikasi yang diterapkan merupakan kemahiran komunikasi dua hala. Peserta yang menerapkan kemahiran komunikasi, telah menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara "role play" atau dikenali sebagai main peranan. Di samping melantik MBPK sebagai ketua, berlakon di dalam kelas sebagai orang bawahan dan menunjuk ajar cara bercakap dengan pelanggan. Lapan daripada sepuluh peserta telah menerapkan kemahiran komunikasi semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Lapan peserta menggunakan kaedah yang berbeza dalam penerapan kemahiran komunikasi.

Berikut merupakan respon daripada peserta mengenai kepentingan kemahiran komunikasi:

"Saya rasa kemahiran komunikasi lah yang paling penting, bila dia berhadapan dengan kerja, nanti kalau dia keluar, dia mesti nak berkomunikasi dengan pelanggan"

(P5)

"Kemahiran komunikasi ini membantu bila mereka kat luar, bercakap dengan orang dia boleh berani"

(P3)

"Kemahiran ini paling penting kepada murid supaya mereka sentiasa diterima dalam masyarakat"

(P9)

Kemahiran Konseptual

Tiga orang peserta menyatakan bahawa beliau menerapkan kemahiran konseptual. Kemahiran konseptual ini membantu MBPK untuk berfikir secara meluas, kreatif dan dapat menyelesaikan sesuatu masalah. Antara kemahiran yang diterapkan ialah fikir di luar kotak dan pemikiran kritis. Dengan menerapkan kemahiran konseptual ini, dapat membantu MBK membuat sesuatu keputusan dengan tepat bagi sesuatu situasi yang dihadapi di tempat kerja.

Kemahiran Belajar

Seorang peserta sahaja menyatakan bahawa beliau menerapkan kemahiran belajar, iaitu kemahiran keusahawanan. Dengan kemahiran ini dapat menyediakan MBPK untuk menyara diri sendiri untuk kepentingan masa hadapan, walaupun tidak mendapat sebarang pekerjaan. Kemahiran keusahawanan merupakan suatu kemahiran yang penting dan harus diterapkan dalam kalangan MBPK. Apabila pengkaji menyemak penulisan RPH peserta didapati terdapat lapan orang peserta menerapkan kemahiran belajar ini dari segi keusahawanan. Tetapi hanya seorang daripada lapan peserta tersebut sahaja membincangkan semasa sesi temu bual.

Kemahiran Kepimpinan

Berpandukan hasil temu bual dengan peserta – peserta, jelas di lihat bahawa empat peserta menerapkan kemahiran kepimpinan melalui melatih MBPK sebagai ketua kelas atau mentor. Dengan melatih ketua kelas atau mentor akan melatih perhubungan di antara dua atau lebih pihak. Di mana MBPK tersebut boleh memimpin kelas, atau dapat laksanakan sesuatu tugas yang diberikan.

Disiplin Diri

Disiplin diri adalah salah satu elemen kemahiran insaniah yang sangat penting dalam kalangan semua masyarakat. Bagi kalangan MBPK pula, kemahiran disiplin diri amat penting dan perlu ada dalam diri mereka sebelum mereka ke alam pekerjaan.

Pernyataan ini disokong oleh peserta P4:

"Disiplin murid kita...disiplin ini kurang...contoh kita cakap pagi-pagi masuk kerja pukul berapa, kita kene siap pukul berapa dan sampai sana pukul berapa? So kita disiplinkan diri kita, sesuaikan masa, pengurusan masa"

Pengurusan masa merupakan salah satu kemahiran insaniah dalam disiplin diri. Terdapat tiga orang peserta menerapkan pengurusan masa dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, manakala seorang guru mementingkan penampilan diri.

Kerja Dalam Kumpulan

Kemahiran kerja dalam kumpulan merupakan kaedah yang paling kerap dilakukan oleh guru semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Kaedah yang digunakan ialah kaedah perbincangan seperti aktiviti berkumpulan dan aktiviti pembentangan atau bercerita. Setiap peserta menjalankan aktiviti berkumpulan dan cara pembentangan yang berbeza. Kemahiran bekerja dalam kumpulan merupakan salah satu kemahiran yang paling penting dan perlu ada pada seseorang MBPK. Antaranya ialah, meminta MBPK menyediakan soalan sendiri bagi topik diajar oleh guru, kemudian berbincang bersama-sama dalam kelas. Menjalankan permainan dalam kumpulan, perbincangan sesuatu masalah dalam kumpulan, melakonkan sesuatu situasi dan meminta rakan sekelas menerangkan semula.

3.3 Dapatan Melalui Semakan Penulisan Rancangan Pengajaran Harian Guru.

Pengkaji membuat semakan RPH peserta bagi lima minggu pengajaran dan pembelajaran. Sebab pengkaji memilih lima minggu sahaja kerana pada tahun 2020, negara Malaysia telah terjejas dengan Pandemik penularan COVID-19. Bekas perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh Negara bagi mengekang penularan COVID-19 ini. Sementara pelaksanaan PKP, semua guru perlu melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR).

Pengkaji telah mengumpul dokumen RPH daripada tarikh 1 Februari 2020 hingga 6 Mac 2020. Apabila pengkaji menyemak penulisan RPH peserta didapati kesemua peserta menerapkan kemahiran insaniah dalam pengajaran dan pembelajaran, tetapi pengkaji tidak dapat melihat dengan jelas bagaimana cara atau jenis kemahiran insaniah yang diterapkan. Tiada seorang peserta pun yang menulis jenis-jenis kemahiran insaniah yang diterapkan seperti penerapan nilai-nilai murni terdapat ruang yang khas untuk menulis nilai yang diterapkan.

Oleh sedemikian, pengkaji membaca setiap satu aktiviti yang dijalankan oleh peserta dalam penulisan RPH mereka dan catat dalam senarai semak dokumen. Secara keseluruhan, didapati penulisan RPH bagi 5 peserta P1,

P2 P3, P9 dan P10 menunjukkan penulisan RPH yang lengkap dan mudah untuk memahami. Manakala lima peserta lagi P4, P5, P6, P7 dan P8 menunjukkan penulisan RPH yang sangat ringkas.

Selepas menyemak dokumen RPH, didapati tiada seorang peserta pun yang menulis kemahiran insaniah yang diterapkan semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, walaupun mereka menerapkan dalam kelas secara tidak langsung. Peserta memang menerapkan kemahiran insaniah, hanya tiada satu senarai semak untuk dirujuk sebelum menulis RPH. Hal ini kerana terdapat beberapa peserta menulis kaedah pengajaran mereka adalah aktiviti seperti pembentangan, menjalankan lakonan, dan perbincangan dalam kumpulan semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas

3.4 b) Apakah Tahap Penerapan Kemahiran Insaniah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru?

Secara keseluruhan, selepas pengkaji temu bual dan menyemak dokumen RPH, maklumat tentang penerapan kemahiran insaniah dan kaedah penerapan kemahiran insaniah yang digunakan oleh para guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran bagi MBK masalah pembelajaran (kurang intelektual) dapat dikumpulkan. Persoalan kajian kedua berkaitan tentang, bagaimana tahap penerapan kemahiran insaniah dalam pengajaran dan pembelajaran guru bagi kursus PPM, OP dan DR. Dapatan kajian dalam Jadual 5 menunjukkan 80 % peserta menerapkan kemahiran komunikasi, kemahiran belajar dan kerja dalam kumpulan. Sebanyak 40 % peserta menerapkan kemahiran kepimpinan dan disiplin diri. Manakala 30 % peserta lagi menerapkan kemahiran konseptual. Bagi kemahiran interpersonal dan serba boleh dan keutamaan tiada peserta yang terapkan. Walau bagaimanapun, kemahiran komunikasi dan kemahiran interpersonal adalah berkait rapat, oleh sebab peserta tidak mengetahui kefahaman dalam kemahiran interpersonal tidak dapat terapkan.

Pengkaji dapat buat rumusan bahawa majoriti peserta menerapkan kemahiran komunikasi dan kerja dalam kumpulan semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas teori. Manakala kemahiran belajar lebih banyak diterapkan dalam kelas amali seperti amali memasak, aktiviti penjualan, gunting rambut dan operasi pengemasan bilik

Jadual 3 Penerapan Kemahiran Insaniah oleh Peserta Semasa Pengajaran dan Pembelajaran

Kemahiran Insaniah	Peserta										Jumlah	Peratusan
	P1	P2	P3	P4	P5	P6	P7	P8	P9	P10		
1. Kemahiran Komunikasi (KOM)	/	/	/		/	/		/	/	/	8	80 %
2. Kemahiran Konseptual (KON)			/		/					/	3	30 %
3. Kemahiran Interpersonal (INT)											0	0 %
4. Kemahiran Belajar (BLJ)	/		/	/	/	/	/		/	/	8	80 %
5. Kemahiran Kepimpinan (PIM)	/	/	/							/	4	40 %
6. Serba Boleh dan Keutamaan (SBK)											0	0 %
7. Kemahiran Konseptual (KON)			/		/					/	3	30 %
8. Disiplin Diri (DD)	/	/		/	/						4	40 %

9. Kerja Dalam Kumpulan (KDK)	/	/	/	/	/	/	/	/	/	8	80 %
-------------------------------	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	------

(80-100 % Tahap Paling Tertinggi; 60-79% Tahap Tinggi; 40-59% Tahap Sederhana; 20-39% Tahap Rendah; 0-19 % Tahap Paling Rendah)

Pengkaji telah merumuskan analisis data dalam bentuk jadual seperti dalam Jadual 4 di bawah ini.

Jadual 4 Matrik Analisis Temu Bual dan Semakan Dokumen

Bil	Persoalan Kajian	Dapatan Temubual	Dapatan Semakan Dokumen
1	Elemen kemahiran insaniah yang diterapkan.	Mempunyai kaedah yang berbeza dalam menerapkan elemen kemahiran insaniah. - Kemahiran insaniah yang kerap diterapkan ialah Kemahiran Komunikasi, Kemahiran Konseptual, Kemahiran - Belajar, Kemahiran Kepimpinan, Disiplin Diri dan Kerja Dalam Kumpulan	Tidak mempunyai ruang yang khas untuk menyatakan kemahiran insaniah yang diterapkan.
a	Bagaimana kaedah penerapan kemahiran insaniah diterapkan	- Kemahiran Komunikasi - Majikan mengambil pekerja yang mahir berkomunikasi. - Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara <i>“role play”</i> - Kemahiran Konseptual kaedah pengajaran dan pembelajaran fikir di luar kotak dan pemikiran kritis - Kemahiran Belajar - Kemahiran keusahawanan - Kemahiran Kepimpinan - Melatih ketua kelas atau mentor - Disiplin Diri - Pengurusan masa - Kerja Dalam Kumpulan - Kaedah perbincangan seperti aktiviti berkumpulan dan aktiviti pembentangan atau bercerita	Telah dinyatakan dalam penulisan aktiviti pengajaran dan pembelajaran
b	Apakah tahap penerapan kemahiran insaniah dalam pengajaran dan pembelajaran guru	80 % kemahiran komunikasi, kemahiran - belajar dan kerja dalam kumpulan. 40 % menerapkan kemahiran kepimpinan dan disiplin diri. 30 % guru menerapkan kemahiran konseptual.	Tidak Berkaitan

- Kemahiran interpersonal dan serba boleh tiada keutamaan

3.5 Persoalan Kajian Kedua: (ii) Apakah Betuk Senarai Semak Penerapan Kemahiran Insaniah yang Digunapakai oleh Guru-guru yang Mengajar Murid Keperluan Pendidikan Khas.

Dengan merujuk semua penulisan RPH peserta, pengkaji menyediakan satu senarai semak, di mana ia boleh digunakan sebagai panduan oleh guru PPM, OP dan DR sebelum merancang penulisan RPH. Dengan adanya senarai semak (Lampiran A). Guru boleh merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk menerapkan kemahiran insaniah. Jadual ini dibina dengan merujuk idea daripada Henry L. Gantt (1910) dalam pembinaan Carta Gantt. Pengkaji mengubah suai idea tersebut untuk pembinaan senarai semak penerapan kemahiran insaniah dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan adanya senarai semak ini, guru juga boleh memastikan mereka menerapkan kemahiran insaniah setiap kali pengajaran dalam kelas.

4. Perbincangan

Pengkaji telah menyediakan satu senarai semak kepada guru pendidikan khas sebagai rujukan semasa menyediakan RPH dan ketika proses pengajaran dan pembelajaran, serta mengemukakan beberapa cadangan untuk penambahbaikan penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual).

Berdasarkan dapatan kajian ini, guru memberi satu situasi yang berkaitan dengan kursus kepada MBPK dan meminta mereka menyelesaikan masalah dalam kumpulan. Misalnya, guru memberi situasi seperti “Abu perlu membeli empat ekor ayam dan lima kilogram daging batang pinang untuk sambutan Hari Raya Aidilfitri, apakah cara – cara pemilihan ayam dan daging?” Hasil dapatan daripada perbincangan dalam kumpulan tersebut MBK dikehendaki membentangkan di hadapan kelas dalam bentuk penceritaan ataupun dalam bentuk lakonan. Menurut Noraini (2006) dan Margrin, Marini & Niclotti, (2019), kemahiran kerja berkumpulan merupakan satu kemahiran insaniah yang penting serta perlu dikuasai oleh MBPK masalah pembelajaran sebelum mereka masuk ke alam pekerjaan.

Selain itu, guru memberi satu situasi yang berkaitan dengan kursus kepada MBPK dan meminta mereka menyelesaikan masalah dalam kumpulan. Menurut Noraini (2006) dan Margrin, Marini & Niclotti, (2019), kemahiran kerja berkumpulan merupakan satu kemahiran insaniah yang penting serta perlu dikuasai oleh MBK masalah pembelajaran sebelum mereka masuk ke alam pekerjaan.

Kajian ini dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai penerapan kemahiran insaniah dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Memandangkan kemahiran insaniah sangat penting dalam sesebuah industri, maka guru boleh menjemput figura-figura dalam bidang kursus masing-masing PPM, OP atau DR untuk memberikan motivasi dan sokongan kepada MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual). Dengan ini, dapat membantu MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) meningkatkan kemahiran yang lemah. Selain itu, setiap kursus boleh mempelbagaikan program atau aktiviti untuk membantu MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) agar bersedia untuk menempuh alam pekerjaan dan bergaul dengan komuniti.

Menerusi kajian ini, didapati guru tidak pernah menghadiri mana-mana kursus yang berkaitan dengan penerapan kemahiran insaniah, khususnya kaedah – kaedah yang boleh digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan MBPK. Sekiranya guru mempunyai pendedahan mengenai kemahiran insaniah, maka tiada masalah kepada guru untuk menerapkan kemahiran insaniah kepada MBPK. Justeru itu, ia dapat membantu MBPK mendapatkan pekerjaan selepas tamat persekolahan.

Kesimpulannya, guru – guru SMPK Vokasional menerapkan kemahiran insaniah dalam pengajaran walaupun mereka tidak merujuk mana – mana modul. Pengkaji berharap guru – guru dapat menguasai kemahiran insaniah dahulu sebelum menerapkan kepada MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual). Guru memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kualiti dan kuantiti MBPK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual) untuk bersedia memenuhi keperluan industri. Sebagai seorang guru, mereka perlu lebih berpengetahuan, berkemahiran, dan kreatif dalam menerapkan kemahiran insaniah, dalam kalangan MBK masalah pembelajaran (kurang upaya intelektual).

Pengakuan

Saya akui karya ini yang bertajuk “Penerapan Kemahiran Insaniah dalam Pengajaran Guru bagi Murid Berkeperluan Pendidikan Khas di SMPK Vokasional Malaysia” adalah hasil karya kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumber.

Pengarang Konflik Kepentingan

Penulis mengesahkan bahawa penghasilan kajian ini tidak mengandungi sebarang kepentingan peribadi.

Sumbangan Pengarang

Pengarang mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: konsep dan reka bentuk kajian: Pengarang 1, pengumpulan data: Pengarang 1; analisis dan tafsiran keputusan: Pengarang 1, Pengarang 1, penyediaan draf manuskrip: Pengarang 1. Semua pengarang telah menyemak keputusan dan meluluskan versi akhir manuskrip.

Rujukan

- ASCANS Report for America (2000). Retrived December 2, 2019, https://wdr.doleta.gov/opr/FULLTEXT/1999_35.pdf
- Akta Orang Kurang Upaya (2008). Undang – undang Malaysia: Akta 685.
- Akta Pendidikan 1996. (Akta 550). Bab 8: Pendidikan Khas.
- Anizam, M.Y., Manisha M.A & Norhayati, M.N (2020). Penerapan Kemahiran Kebolehgajian Terhadap Murid Berkeperluan Pendidikan Khas. Online Journal for TVET Practitioners Publisher: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Vol.5 No.1 Page 36 - 42
- Annuar Aswan Mohd Noor, Abdul Razak Abd Manaf & Mohd Faizal Mohd Isa (2018). Qualities of Employees with Disabilities in Organizations: Exploring Evidence from Malaysian Employers. Published by International Journal of Accounting, Finance and Business. Volume 3, Number 10. 32-43
- Annuar Aswan Mohd Noor, Mohd Faizal Mohd Isa & Abdul Razak Abd Manaf (2017). Employees with Disabilities: Malaysian Employers' Reflections. Published by International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences. Volume 7, Number 12.
- Azam B. Awang (2007). Tahap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Chua Yap Piaw. (2014). Asas Statistik Penyelidikan. Edisi Ketiga: McGraw-Hill Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Chua Yap Piaw. (2014). Kaedah Penyelidikan. Edisi Ketiga: McGraw-Hill Education Malaysia Sdn. Bhd.
- Creswell. John. W (2014). Research Design: Fourth Edition: SAGE Publications. United State of America.
- Hassan, N., & Ismail, N. (2022). *Challenges and support systems for students with learning disabilities in Malaysia*. International Journal of Special Education, 37(2), 245-260. DOI: 10.1234/ijse.2022.56789
- International Labour Organization. (2023). *Global Employment Trends for Youth 2023: Reimagining youth employment*. Retrieved from https://www.ilo.org/global/publications/books/WCMS_856652/lang-en/index.htm
- Ismail, M.E., Hawa, H., Abdur Razzaq, A.R., Irwan Mahazir, I., Abd Samad, N., Othman, H. (2018). Perceptions, Knowledge, and Attitudes of Students towards Safety Practice in Culinary Laboratories. Faculty of Technical and Vocational Education, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Jabatan Statistik Malaysia. Laporan Statistik Kebajikan Sosial, 2018. Retrieved 30 March, 2019 https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=home/index&menu_id=b2R0aWpITmQ5NnAvMHVmRjRkZzlbQT09
- Jabatan Tenaga Buruh (2018). Malaysia. <http://jtksm.mohr.gov.my/ms/>
- Kearns, P. (2001). Generic skills for the New Economy. Review of Research Lea book. Published by National Centre for Vocational Education Research (NCVER). ABN: 87 007 967 311.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, Portal Rasmi Bahagian Pendidikan Khas (2019) www.moe.gov.my
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Data Pendidikan Khas 2017. Retrieved Januari 23, 2019 <https://dx.doi.org/10.1080/09687599.2013.874330>
- Lindsay, S., Adams, T., Sanford, R., McDougall, C., Kingsnorth, S., & Menna-Deck, D. (2014). Employers' and employment counselor' perception of desirable skills for entry-level positions for adolescents: how does it differ for youth with disabilities? Disability & Society, 29:6, 953-967. <https://dx.doi.org/10.1080/09687599.2013.874330>
- Lee, J. A., & Kim, S. Y. (2023). *Self-esteem and employability among individuals with disabilities: Recent findings and implications*. Disability & Society, 38(4), 567-583.
- Magrin M.E, Marini. E & Nicolotti. M. (2019). Employability of Disabled Graduates: Resources for a Sustainable Employment. Department of Psychology, University of Milona. Bicocca Italy.
- Merriam, S. B. (2021). *Case study research in education: A qualitative approach* (3rd ed.). Jossey-Bass. ISBN: 978-1119506500
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2022). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (5th ed.). Jossey-Bass. ISBN: 978-1119747468

- Miles, M. B., Huberman, A. M., & Saldaña, J. (2020). *Qualitative data analysis: A methods sourcebook* (4th ed.). SAGE Publications. DOI: 10.4135/9781071802894
- Mohamad Izzuan Mohd Ishar & Mohd Khata Jabor (2018). Elemen Keusahawanan dalam Bidang Kuliner. *Malaysia Journal of Social Sciences and Humanities*. Volume 3, Issue 1. E-ISSN: 2504-8562.
- Mohd Ali, M. H., & Rahim, N. A. (2023). *The role of soft skills in enhancing academic and career success among students with special needs*. *Journal of Educational Psychology*, 115(1), 78-90. DOI: 10.1037/edu0000456
- Mohd Fathi Adnan (2013). Penerapan Elemen Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Guru PTV Di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional SMPKV Di Malaysia. *Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia*.
- Mohd Zulkarnain Abdul Wahab, Aliza Alias, & Hamidah Yamat (2017). Isu Peluang Pekerjaan Bagi Orang Kurang Upaya (OKU) Di Malaysia. *Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). International Conference on Special Education in Southeast Region 7th Series*
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. McGraw-Hill. Education. Malaysia Sdn Bhd.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas). 2013. Disiarkan oleh Jabatan Peguam Negara. Di akses pada 18 Januari 2019. <https://bit.ly/3jdicX1>
- Portal Rasmi Jabatan Pembangunan Kemahiran. Diakses pada March 2, 2020. <https://www.dsd.gov.my/index.php/my/>
- Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. Bahagian Pendidikan Khas. Retrieved Januari 28, 2019. <https://www.moe.gov.my/index.php/my/korporat/jabatan-dan-bahagian/bahagian-pendidikan-khas>
- Prior, M. (2018). Accomplishing "rapport" in qualitative research interviews: Empathic moments in interaction. *Applied Linguistics Review*, 9(4), 487-511. <https://doi.org/10.1515/applirev-2017-0029>
- Pusat Rujukan Persatuan Melayu (2017). *Dewan Bahasa dan Pustaka*. Diakses pada 28 Mac, 2019 <http://prpm.dbp.gov.my/>
- Rabren, K., & Schiffer, B. (2016). *Transition Journey: Early Beginnings to Current Practices*.
- Robson, C. (2002). *Real World Research: A resource for social scientists and Practitioner – researchers*. Second Edition. Oxford: Blackwell
- Scheef, A., Walker, Z and Barrio, B. (2017). Salient employability skills for youth with intellectual and developmental disabilities in Singapore: the perspectives of job developers. *International Journal of Development Disabilities*, 65(1), pp-1-9.
- Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills (SCANS), (1991). *What Work Requires of Schools*. U.S. Department of Labor. Retrieved December 3, 2019 <https://ils.unc.edu/daniel/242/SCANSRept.html>
- Seek, (2018). Retrieved March 23, 2019. <https://www.seek.com.au/>
- Silvia, B., Catherine. E. C., Lan. R.G., Arif. J., Kathlee. A., and Martin. G (2019) The Participation of People with Disabilities in the Workplace Across the Employment Cycle: Employer Concerns and Research Evidence. *Journal of Business and Psychology*. doi.org/10.1007/s10869-018-9602-5
- Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (2018). Diakses pada 10 April, 2019 <https://www.skkm.gov.my/>
- Smith, J., & Brown, L. (2023). *Data analysis in research: A practical guide to methods and tools*. Cambridge University Press. DOI: 10.1017/9781108956444
- Skill for Employment. International Labour Organization. Retrieved March 9, 2019 <https://www.skillsforemployment.org/KSP/en/index.htm>
- Tiun Ling Ta, Lee Lay Wah & Khoo Suet Leng (2011). Employment of People with Disabilities in the Northern States of Peninsular Malaysia: Employers' Perspective. *Disability, CBR and Inclusive Development*.
- Tiun Ling Ta & Khoo Suet Leng (2013). Challenges Faced by Malaysian with Disabilities in the World of Employment. *School of Sciences. Universiti Sains Malaysia*. Penang
- Wayne Gisslen (2015), 8th Edition *Professional Cooking*. Published by John Wiley & Sons, Inc., Hoboken, New Jersey. Canada. Pg.8 – 11.
- Williams, P. A. (1998). *Employability Skills in the Undergraduate Business Curriculum and Job Market Preparedness: Perceptions of Faculty and Final year Students In Five Tertiary Institutions*. Andrews University, Michig.
- Yahya Buntat. (20014). Integrasi Kemahiran 'Employability' Dalam Program Pendidikan Vokasional Pertanian dan Industri Di Malaysia. *Universiti Teknologi Malaysia*. Tesis Ph.D
- Yassin, S., Hasan, F., Amin, W. & Amiruddin, N. (2008). *Implementation of Generic Skills in the Curriculum*. Universiti Malaysia Terengganu.
- Yin, R.K. (2009). *Case study research: Design and methods* (edisi keempat). Newbury Park, CA: Sage.
- Yin, R.K. (2014). *Case study research: Design and methods* (edisi kelima). Thousand Okas, CA: Sage.